

17/08/2003

Bina jambatan pun Singapura cuba putar belit

Munshi

AKHBAR melaporkan Malaysia tidak akan membabitkan Singapura dalam pembinaan jambatan RM1 bilion bagi menggantikan Tambak Johor memandangkan sikap berlengah-lengah republik hingga menyebabkan jambatan itu direka semula menjadi bengkok.

MUNSHI: Jambatan 3.15 kilometer itu dijadualkan mampu disiapkan menjelang 31 Disember 2005 bersama-sama kompleks baru Kastam, Imigresen dan Pusat Kuarantin.

Kita sudah pun mengemukakan idea itu kepada Singapura tetapi jawapan diberikan penuh dengan muslihat.

Sepatutnya jambatan itu lurus sebagaimana Tambak Johor yang ada sekarang. Malangnya Lee Kuan Yew memberitahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Goh Chok Tong mahu tambak kekal hingga beliau meninggalkan kerajaan pada 2007. Selepas itu barulah jambatan boleh dibina menggantikan tambak berkenaan.

Bagaimanapun, oleh kerana sikap acuh tidak acuh Singapura itu, kita terpaksa membina jambatan baru itu bengkok sedikit untuk membolehkan ia mencecah paras Tambak Johor apabila tiba di sempadan perairan republik itu.

Apa muslihat Chok Tong entahlah, takkanlah dia suka sangat memandang tambak dengan air yang kotor di kiri kanannya.

Cuma akhbar pernah memetik penganalisis sebagai berkata jika berfaedah pun bagi Singapura, Tambak Johor hanya memudahkan kereta kebal SAF menyeberang bagi menawan Johor Bahru.

Apabila siap kelak, jambatan yang membengkok apabila menghampiri sempadan Singapura tidak syak lagi adalah bukti betapa sukarnya membina hubungan baik dan mesra dengan pemimpin republik itu.

Bagi anak, cucu, cicit, piut dan oneng-oneng yang akan bertanya di kemudian hari, jawapannya mudah saja. Bahagian kecil jambatan ibarat ular kena palu itu melambangkan sikap lidah bercabang dan putar belit Singapura yang enggan menghuraikan pelbagai isu dan masalah dengan hati terbuka dengan Malaysia. Ia sentiasa mahu menegakkan benang basah.